



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH
SEKTOR PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
UNIT SUKAN
TINGKAT 1, BLOK C, BANGUNAN KWSP,
88604 KOTA KINABALU, SABAH
TEL: 088-249930/251354/251334
FAKS: 088-247530/231561



Rujukan : JP(SB)/800/06/05
Tarikh : 14hb. Julai 2014

Presiden,
Persatuan Taekwondo Negeri Sabah,
Lot 9, Tingkat 2, Rumah Kedai Segama,
Jalan Tun Abdul Razak,
88000, Kota Kinabalu, Sabah.

Tuan,

**PERMOHONAN KEBENARAN DAN PELEPASAN PELAJAR UNTUK
MENYERTAI KEJOHANAN TAEKWONDO TERBUKA DAN REMAJA NEGERI
SABAH**

Adalah saya diarah untuk merujuk surat tuan bil : MSY/MTA/koku/0001 bertarikh 25hb Jun 2014 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa ,Jabatan Pendidikan Negeri Sabah tiada halangan untuk memberi kebenaran dan pelepasan pelajar yang telah dipohon oleh Persatuan Taekwondo Negeri Sabah untuk menyertai “ Kejohanan Taekwondo Terbuka Dan Remaja Negeri Sabah “ pada 28hb Ogos hingga 01hb September di Ranau.
3. Walau bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1988 : Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan atas persetujuan serta kelulusan pihak sekolah.
4. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk mempastikan bahawa keperluan-keperluan berikut dipenuhi sebelum pelajar-pelajar dibenarkan mengambil bahagian dalam mana-mana pemilihan, latihan, pertandingan dan kejohanan sukan anjuran pihak luar (secara bersendirian atau dianjurkan bersama dengan (MSSM/MSSS), supaya kepentingan, kebijakan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar sentiasa terjaga.

1Murid 1Sukan

**PERMOHONAN KEBENARAN DAN PELEPASAN PELAJAR UNTUK
MENYERTAI KEJOHANAN TAEKWONDO TERBUKA DAN REMAJA NEGERI
SABAH**

- 4.1 Pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan yang akan disertai oleh pelajar itu diketahui oleh pengetua/guru besar sekolah yang berkenaan dan dipersetujui oleh Pengarah Pelajaran Negeri.
- 4.2 Persetujuan dan kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga yang membenarkan pelajar mengambil bahagian dalam pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan.
- 4.3 Penyertaan dalam pemilihan, latihan pertandingan atau kejohanan anjuran badan luar atau dianjurkan bersama dengan MSSM/MSSS itu tidak akan mengganggu atau menjelaskan persekolahan pelajar.
- 4.4 Perlindungan insuran dan langkah-langkah kecemasan untuk pelajar ada disediakan.
- 4.5 Memastikan ada guru pengiring yang bertanggung jawab kepada semua pelajar.
- 4.6 Segala implikasi kewangan semasa atau sepanjang aktiviti tersebut berlangsung ditanggung oleh pihak pengajur.
- 4.7 Memastikan kebijakan murid dan guru pengiring sentiasa terpelihara sepanjang pelepasan yang telah diberikan.

5. Walaubagaimanapun diharap tuan dapat memanjangkan perkara ini kepada Pengetua / Guru Besar untuk mendapatkan pelepasan bagi pelajar yang terlibat.

6. Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Sekian.

“ KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN “

Saya yang menurut perintah,

MUHIMIAN HJ.MOKSIN

Penolong Pengarah Kanan (Sukan)

Sektor Pembangunan Kemanusiaan,

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

b.p. Ketua Sektor,

sk. Pejabat Pendidikan Daerah (yang berkenaan)

Pengetua Cemerlang/Pengetua. (yang berkenaan)

Guru Besar Cemerlang/Guru Besar (yang berkenaan)